

24 APR 1998

Mahathir-francais

DR MAHATHIR MAHU BUMIPUTERA SERTAI SISTEM FRANCAIS

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed mahu rakyat terutamanya Bumiputera menjinakkan diri dalam bidang perniagaan sistem francais, yang menjanjikan keuntungan dan risiko yang sedikit.

Perdana Menteri berkata sistem francais yang sudahpun diperkenalkan sejak zaman sebelum Perang Dunia Kedua itu masih dianggap belum matang dan masih dalam peringkat baru lahir.

Mereka yang menyertai perniagaan cara francais akan memperolehi peluang dan keuntungan yang diharapkan, katanya semasa merasmikan majlis makan malam dan penyampaian anugerah francais 1997 di sini.

"Saya berpendapat sistem francais akan memberi peluang kepada mereka yang tak ada pengetahuan dan pengalaman malah risikonya kurang, tetapi kejayaan dapat ditentukan dan mudah dicapai," katanya.

Katanya, kalau ramai Bumiputera menyertai bidang perniagaan maka kekayaan lebih mudah diagihkan antara kaum dan ini dapat elak perasaan iri hati disebabkan ada kaum yang miskin dan kaya.

Dr Mahathir juga berharap peniaga francais dapat mengembangkan perniagaan dan memperkenalkan produk makanan tempatan, seperti nasi lemak, satay, nasi minyak dan beriyani dalam sistem itu.

Katanya, produk makanan tempatan itu boleh dimajukan sekiranya diusahakan dengan bersungguh-sungguh malah francaisor boleh menjadi peniaga besar.

Beliau juga berkata menerusi sistem itu tak mungkin kedai yang sama boleh dibuka sebelah menyebelah.

Katanya, menerusi sistem francais juga ia tidak memerlukan peniaga menggunakan modal besar atau perlu bersusah payah menjalankan promosi untuk barang jualan kerana semuanya sudah dilakukan oleh francaisor.

"Kita biasa dengan Pizza Hut, Mac Donald, KFC bukan makanan kita, tetapi orang yang tak pernah makan keju seronok makannya," katanya dan menambah kata disebabkan pendekatan serta promosi jenama terkenal, maka yang tak tahu makanpun nak memakannya.

"Saya yakin francais murah dan tidak memerlukan modal besar, umpamanya kita dah biasa dengan satay, yang cuma perlu dibuat ialah membakar satay di samping menjaga standardnya dan kebersihan," katanya.

"Kecantikan dan kebersihan boleh menjadi penarik," katanya dan menambah kata, "syarikat asing seperti Mac Donald utamakan kebersihan malah mereka yang menyertai latihan dengan syarikat itu perlu mengutamakan kebersihan jika tidak francais tidak akan diberi".

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Francais Malaysia (MFA), Datuk Adzmi Abdul Wahab berkata persatuan itu akan menubuhkan Yayasan Pendidikan MFA yang antara lain berperanan menyelaraskan program latihan dalam bidang francais, menyediakan asas bagi penubuhan Institut Francais Malaysia serta menjalankan aktiviti pengumpulan data.

Katanya, persatuan juga telah menjalin kerjasama dengan Kota Francais Sdn Bhd dalam membangun dan mempromosikan konsep Kota Francais di kawasan 3.46 hektar, merangkumi satu kompleks membeli-belah tujuh tingkat, dua kompleks pejabat, hotel 400 bilik dengan ruang letak kereta sebanyak 2,000 di Shah Alam, Selangor.

Beliau juga berkata persatuan itu akan menjadi tuan rumah kepada mesyuarat penubuhan Persekutuan Francais Asia Pasifik (APFC) pada 24 Sept ini.

--BERNAMA

ARA RI